



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijeipc.com



**PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN
DALAM TALIAN DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
(UMK): SATU KAJIAN DESKRIPTIF**

*STUDENT ACCEPTANCE OF ONLINE LEARNING AT UNIVERSITY OF
MALAYSIA KELANTAN (UMK): A DESCRIPTIVE STUDY*

Rosmaizura Mohd Zain^{1*}, Ainon Ramli², Mohd Zaimmudin Mohd Zain³, Mohammad Nizamuddin Abdul Rahim⁴

¹ Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: rosmaizura.mz@umk.edu.my

² Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: ainon@umk.edu.my

³ Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: zaimmudin@umk.edu.my

⁴ Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: nizamuddin@umk.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.07.2025

Revised date: 20.08.2015

Accepted date: 16.09.2025

Published date: 01.10.2025

To cite this document:

Zain, R. M., Ramli, A., Zain, M. Z. M., Abdul Rahim, M. N. (2025). Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Di Universiti Malaysia Kelantan (UMK): Satu Kajian Deskriptif. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (60), 154-166.

DOI: 10.35631/IJEPC.1060010

Abstrak:

Pembelajaran dalam talian atau *e-learning* merupakan pendekatan pengajaran yang memberi akses kepada pengetahuan melalui platform digital. Penggunaannya semakin meluas di institusi pengajian tinggi di Malaysia, termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Platform seperti *Learning Content Management System* (LCMS) bukan sahaja membolehkan penciptaan serta perkongsian kandungan akademik, tetapi turut mengurus aspek seperti yuran, penilaian gred, dan komunikasi antara pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan pelajar yang beranggapan e-pembelajaran bersifat sehalu kerana interaksi bersama pensyarah adalah terhad, sekali gus menjejaskan keupayaan mereka mendapatkan penjelasan lanjut terhadap bahan pembelajaran yang kompleks. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap penerimaan pelajar UMK terhadap e-pembelajaran dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang melibatkan 361 responden daripada semua fakulti di UMK Kampus Kota. Kajian ini melihat secara deskriptif penerimaan pelajar UMK dalam e-pembelajaran dari konteks keberkesanan kursus, ciri-ciri pensyarah, kebolegunaan dan kemudahan yang tersedia. Analisis dijalankan dengan tujuan untuk mengira frekuensi, peratusan dan min bagi setiap kategori data untuk dianalisis secara kuantitatif. Data

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dianalisis menggunakan data perisian statistik berkomputer iaitu SPSS. Hasil kajian menunjukkan tahap penerimaan pelajar adalah tinggi dan positif, sekaligus membuktikan bahawa e-pembelajaran diterima baik sebagai medium yang relevan pada masa kini. Penemuan ini penting untuk dijadikan rujukan oleh pensyarah dalam usaha memperkukuh strategi pengajaran dengan menekankan aspek interaktif dan mesra pengguna agar pengalaman pembelajaran pelajar lebih berkesan, menarik, serta berpotensi menyokong transformasi pendidikan jangka panjang di UMK.

Kata Kunci:

E-pembelajaran, Keberkesanan Kursus, Karakteristik Pensyarah, Kebolegunaan, Kemudahan yang Tersedia

Abstract:

Online learning or e-learning is a teaching approach that provides access to knowledge through digital platforms. Its adoption has become increasingly widespread in higher education institutions in Malaysia, including Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Platforms such as the Learning Content Management System (LCMS) not only enable the creation and sharing of academic content but also manage aspects such as tuition fees, grade assessments, and student communication. Nevertheless, some students perceive e-learning as a one-way instructional method due to limited interaction with lecturers, which in turn affects their ability to seek further clarification on complex learning materials. Accordingly, this study was conducted to assess the level of student acceptance of e-learning at UMK using a quantitative approach through a survey involving 361 respondents from all faculties at the UMK City Campus. The study examines students' acceptance of e-learning descriptively in terms of course effectiveness, lecturer characteristics, usability, and available facilities. The analysis was conducted with the purpose of calculating the frequency, percentage, and mean for each data category to be examined quantitatively. The data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. The findings indicate that the level of student acceptance is high and positive, thereby demonstrating that e-learning is well received as a relevant medium in the current context. These results are significant as a reference for lecturers in enhancing teaching strategies by emphasizing interactive and user-friendly elements to ensure that students' learning experiences are more effective, engaging, and capable of supporting the long-term transformation of education at UMK.

Keywords:

E-learning, Course Effectiveness, Lecturer Characteristics, Perceived Usefulness, Available Facilities

Pengenalan

Pembelajaran dalam talian atau *e-learning* digambarkan sebagai “pembelajaran yang dilaksanakan secara elektronik” (Belew et al., 2024). E-pembelajaran boleh dilaksanakan dengan bantuan teknologi seperti komputer dan internet, di mana guru boleh menjalankan aktiviti pembelajaran secara dalam talian sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Ia boleh dijalankan dengan menggunakan pelbagai aplikasi yang telah disediakan oleh pihak sekolah atau universiti, di mana guru dan pelajar akan mempunyai akses untuk menerima atau memuat

naik data atau bahan yang akan digunakan sepanjang proses pembelajaran (The Economic Times, 2019; Najjar, Rouphael, Bitar, & Hleihel, 2025).

E-pembelajaran memastikan semua pelajar terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran dengan menggunakan teks, video, audio, perkongsian kumpulan, dan visual interaktif. Ia juga dapat meningkatkan kesedaran tentang keperluan institusi pengajian tinggi untuk mengekalkan kelebihan daya saing, meningkatkan tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta memberi pelajar akses kepada pendidikan dan latihan dalam ekonomi yang lebih terhubung secara global (Muthurmana, Veerasamy, & Al-Hazaizi, 2020; Rathinam, Yap, Navies, Murugiah, & Zulkifli, 2023).

Setiap negara di dunia memerlukan sistem pendidikan yang kukuh. Kecekapan sistem pendidikan merupakan petunjuk yang baik terhadap kemajuan sesebuah negara. Di Malaysia, e-pembelajaran dikatakan bermula sejak era 1970-an (Taib, Wei, & Fong, 2021). Namun perkembangannya semakin pesat apabila kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta akses internet meluas, sekali gus menjadikan kaedah ini sebagai salah satu pendekatan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan. Terdapat dua kaedah lazim untuk membangunkan kursus dalam talian menurut Lateh dan Raman (2004). Pertama, universiti tidak menggalakkan pensyarah untuk membangunkan kursus dalam talian mereka sendiri. Ini bermakna pensyarah mungkin perlu buat secara individu, tanpa bantuan teknikal atau reka bentuk. Dalam cara kedua, pensyarah bekerja bersama pasukan pembangunan laman sesawang universiti yang biasanya terdiri daripada pereka bentuk pengajaran dan pereka grafik. Melalui kerjasama ini, mereka dapat menghasilkan bahan pembelajaran berasaskan laman sesawang yang lebih sesuai dengan objektif akademik universiti. Hakikatnya, cara kedua biasanya menghasilkan kursus e-pembelajaran yang lebih profesional, tersusun, dan memenuhi standard universiti. Namun, ia memerlukan sokongan institusi dan kerjasama antara pensyarah serta pasukan teknikal.

Bermula tahun 2016 hingga 2023, pasaran dalam sektor pendidikan dalam talian dijangka meningkat sebanyak 16.4% setiap tahun (Shahzad, Hassan, Aremu, Hussain, & Lodhi, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa ramai pelajar, sama ada di sekolah mahupun institusi, mula terdedah kepada kaedah e-pembelajaran. Terdapat pelbagai jenis mod pendidikan seperti pendidikan jarak jauh, pembelajaran hibrid, kelas akademik tradisional dan sebagainya ditawarkan melalui institusi-institusi di Malaysia (Muniisvaran, Jose, Karthegees, & Anusia, 2025). Selaras dengan perkembangan pesat Revolusi Perindustrian (IR) 4.0, pembelajaran berasaskan teknologi di institusi pengajian tinggi di Malaysia, sama ada awam mahupun swasta, telah menunjukkan peningkatan yang ketara.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Kota secara deskriptif, dengan memberi tumpuan kepada beberapa dimensi utama seperti keberkesanan kursus, karakteristik pensyarah, kemudahan yang disediakan serta kebolegunaan platform. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang sejauh mana pelajar menerima dan menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran dalam talian, selain mengenal pasti aspek yang perlu dipertingkatkan bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di UMK.

Kajian Literatur

Teknologi e-pembelajaran telah membawa perubahan ketara dalam kaedah pengajaran pensyarah dan cara pelajar belajar sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Vululleh, 2018; Muniisvaran et al., 2025). Perubahan ini bukan sahaja melibatkan aspek teknikal, malah merangkumi aspek tingkah laku dan sosial yang mempengaruhi tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan e-pembelajaran. Menurut Dillon dan Morris (1996), penerimaan pelajar merujuk kepada keupayaan kumpulan pengguna untuk menggunakan teknologi maklumat bagi tujuan yang dimaksudkan, seperti pembelajaran. Justeru, dalam konteks pendidikan, penerimaan terhadap e-pembelajaran dipengaruhi oleh faktor psikologi, sosial, dan teknikal yang menentukan sama ada pelajar dapat menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran ini. Selain itu, jangkaan prestasi, pengaruh sosial, keseronokan yang dirasakan, dan kecekapan sendiri memberi kesan yang signifikan terhadap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran (Latip, Tamrin, Noh, Rahim, & Abdul Latip, 2022).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap e-pembelajaran menganggap kursus berasaskan laman sesawang mudah diakses dan fleksibel dari segi masa serta lokasi (Yiong, Sam, & Wah, 2008). Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang berdepan cabaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran dalam talian. Mereka menganggap e-pembelajaran sebagai pengalaman baharu yang memerlukan sokongan tambahan serta masa yang lebih lama untuk membiasakan diri dengan platform dan kaedah pengajaran yang digunakan. Meskipun begitu, majoriti pelajar mengakui bahawa e-pembelajaran memberi manfaat kepada pencapaian akademik mereka, sekali gus menunjukkan bahawa penerimaan terhadap teknologi ini mempunyai potensi besar dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran (Akpen, Asaolu, Atobatele, Okagbue, & Sampson, 2024). Kajian oleh Latiff, Mokhtar dan Mohad (2021) menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan menganalisis secara deskriptif minat pelajar terhadap kursus TITAS dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Didapati pelajar menunjukkan respon yang sangat positif terhadap kursus ini. Ini menunjukkan bahawa kesediaan dan minat pelajar mempelajari kursus ini adalah tinggi.

Taib, Wei dan Fong (2021) menganalisis secara deskriptif tahap kesediaan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menggunakan kaedah pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) dalam subjek Hubungan Etnik seramai 132 orang pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar terhadap kuliah atas talian bagi subjek Hubungan Etnik yang ditawarkan dalam bentuk e-pembelajaran masih rendah, bukan disebabkan mereka tidak mahir dalam aplikasi teknologi, sebaliknya disebabkan oleh kecenderungan mereka terhadap kuliah secara bersemuka yang lebih memudahkan proses interaksi dan komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Walaupun telah banyak kajian penerimaan pelajar terhadap sesuatu kursus dilakukan oleh penyelidik di Malaysia, namun makalah ini lebih memfokuskan kepada sejauh mana penerimaan pelajar UMK Kampus Kota terhadap kaedah e-pembelajaran secara umum. Maka, kajian ini akan melihat secara deskriptif penerimaan pelajar UMK dalam e-pembelajaran dari konteks keberkesanan kursus, karakteristik pensyarah, kebolegunaan dan kemudahan yang tersedia.

Metodologi

Kajian soal selidik dijalankan terhadap 361 orang responden yang berumur dalam lingkungan umur 20-25 tahun, iaitu pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di UMK Kampus Kota, Kelantan. Pengumpulan data ini bermula pada Mac 2025 sehingga Jun 2025. Responden dilihat bersesuaian dengan kajian kerana mereka merupakan antara kelompok mahasiswa yang terlibat

secara langsung atau tidak langsung dalam pengaplikasian platform e-pembelajaran atau kuliah atas talian yang dilaksanakan di institusi ini.

Analisis deskriptif digunakan bagi mengenal pasti profil ciri-ciri demografi dan persepsi responden terhadap penerimaan kaedah e-pembelajaran di UMK Kampus Kota, dengan meneliti beberapa faktor iaitu keberkesanan kursus, ciri-ciri pensyarah, kebolegunaan platform dan kemudahan yang tersedia. Analisis dijalankan dengan tujuan untuk mengira frekuensi, peratusan dan min bagi setiap kategori data untuk dianalisis secara kuantitatif. Data dianalisis menggunakan data perisian statistik berkomputer iaitu SPSS. Pemilihan responden dalam kajian ini adalah kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*) iaitu jenis bukan kebarangkalian. Persampelan mudah adalah berpatutan, mudah digunakan, dan subjeknya senang diperoleh (Etikan, Musa, & Alkassim, 2016). Sebanyak 332 borang soal selidik telah dikembalikan dan dianalisis. Item dalam instrumen diukur dengan menggunakan skala (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Agak Setuju (4) Setuju, dan (5) Sangat Setuju. Skala interpretasi skor min adalah berpanduan kepada Bahaman dan Turiman (1999), lihat Jadual 1.

Jadual 1: Tahap Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Dapatan Kajian

Latar Belakang Demografi Responden

Bahagian ini membentangkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian. Analisis meliputi jantina, umur, tahun pengajian, jenis tempat tinggal, jenis akses internet, perbelanjaan bulanan internet, dan peranti e-pembelajaran (lihat Jadual 2).

Jadual 2: Latar Belakang Demografi Responden

Kategori	Bilangan	Peratus (%)
1.Jantina		
Lelaki	221	66.6
Perempuan	111	33.4
2.Umur		
19-20 tahun	56	16.9
21-22 tahun	85	25.6
23-24 tahun	162	48.8
25 tahun ke atas	29	8.7
3.Tahun Pengajian		
Tahun 1	54	16.3
Tahun 2	61	18.4
Tahun 3	112	33.7
Tahun 4	105	31.6
4.Jenis Akses Internet		

Data mudah alih	139	41.9
Wi-Fi	193	58.1
5.Perbelanjaan Bulanan Internet (RM)		
<50	143	43.1
50-100	145	43.7
101-150	39	11.7
151 ke atas	5	1.5
6.Jenis Peranti untuk E- Pembelajaran		
Komputer riba	241	72.6
Tab/iPad	56	16.9
Telefon pintar	35	10.5

Berdasarkan Jadual 2, dari segi jantina, majoriti responden adalah lelaki iaitu sebanyak 66.6% (221 orang), manakala perempuan mencatatkan 33.4% (111 orang) daripada 332 responden. Bagi umur, kumpulan responden tertinggi adalah dalam lingkungan 23 hingga 24 tahun iaitu 48.8% (162 orang). Kumpulan umur ini lazimnya terdiri daripada pelajar tahun akhir pengajian sarjana muda, yang sememangnya lebih kerap menggunakan platform e-pembelajaran untuk menyiapkan tugas, projek, dan persediaan akademik. Kumpulan kedua tertinggi ialah berumur 21 hingga 22 tahun dengan 25.6% (85 orang). Seterusnya, pelajar berumur 19 hingga 20 tahun mencatatkan 16.9% (56 orang), manakala kumpulan paling rendah ialah mereka yang berumur 25 tahun ke atas dengan 8.7% (29 orang). Seterusnya, dari segi tahun pengajian, responden terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga tahun 4. Bilangan tertinggi adalah pelajar tahun 3 dengan 33.7% (112 orang), diikuti pelajar tahun 4 dengan 31.6% (105 orang). Pelajar tahun 2 mencatatkan 18.4% (61 orang), manakala pelajar tahun 1 mencatatkan jumlah terendah iaitu 16.3% (54 orang). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar tahun 3 dan tahun 4 lebih banyak menggunakan kaedah e-pembelajaran di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota.

Seterusnya, dari segi jenis akses internet, seramai 41.9% (139 orang) menggunakan data mudah alih, manakala majoriti responden iaitu 58.1% (193 orang) menggunakan Wi-Fi. Ini membuktikan bahawa lebih ramai pelajar memilih untuk menggunakan Wi-Fi bagi menyokong aktiviti pembelajaran dalam talian. Bagi perbelanjaan bulanan untuk internet, kebanyakan responden berbelanja antara RM50 hingga RM100 (43.7%, 145 orang). Hampir sama jumlahnya ialah responden yang berbelanja bawah RM50 (43.1%, 143 orang). Seterusnya, 11.7% (39 orang) berbelanja antara RM101 hingga RM150, manakala hanya 1.5% (5 orang) berbelanja RM151 dan ke atas. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memperuntukkan perbelanjaan internet sekitar RM50 hingga RM100 sebulan bagi memastikan kelancaran akses e-pembelajaran. Akhir sekali, dari aspek peranti yang digunakan untuk e-pembelajaran, didapati majoriti responden menggunakan komputer riba iaitu 72.6% (241 orang). Seterusnya, 16.9% (56 orang) menggunakan tab/iPad, manakala hanya 10.5% (35 orang) menggunakan telefon pintar. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar lebih cenderung menggunakan komputer riba sebagai peranti utama e-pembelajaran kerana paparan teks dan imej lebih jelas.

Analisis Deskriptif

Dalam analisis deskriptif, min (purata) dan sisihan piawai digunakan untuk menggambarkan corak dan tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran. Nilai min menunjukkan tahap kecenderungan atau purata jawapan responden terhadap sesuatu item atau bahagian soal selidik. Sebagai contoh, semakin tinggi nilai min, semakin positif tahap penerimaan pelajar

terhadap e-pembelajaran. Sementara itu, sisihan piawai digunakan untuk melihat sejauh mana jawapan pelajar tersebar daripada purata. Nilai sisihan piawai yang rendah menggambarkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pandangan yang hampir sama, manakala nilai sisihan piawai yang tinggi menunjukkan terdapat perbezaan pendapat yang ketara dalam kalangan pelajar. Oleh itu, melalui analisis min dan sisihan piawai, penyelidik dapat membuat gambaran yang jelas tentang tahap penerimaan pelajar UMK Kampus Kota terhadap e-pembelajaran dari segi kecenderungan umum serta variasi pendapat mereka (Jadual 3).

Jadual 3: Min Dan Sisihan Piawai Terhadap E-Pembelajaran

Faktor penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran	Min	Sisihan Piawai
Keberkesanan Kursus	4.1536	.50486
Karakteristik Pensyarah	4.2229	.52808
Kebolegunaan	4.2596	.50033
Kemudahan	4.1349	.58241

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan e-pembelajaran adalah tinggi berdasarkan skor min yang diperoleh bagi semua pemboleh ubah kajian. Faktor kebolegunaan mencatatkan skor min tertinggi ($M = 4.26$, $SD = 0.50$), menandakan bahawa platform e-pembelajaran dianggap mudah digunakan, mesra pengguna dan sesuai untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, faktor karakteristik pensyarah turut menunjukkan skor min yang tinggi ($M = 4.22$, $SD = 0.53$), menggambarkan peranan pensyarah yang efektif dalam menyampaikan kandungan, memberikan arahan yang jelas serta menyokong pelajar semasa proses pembelajaran dalam talian. Bagi faktor keberkesanan kursus, dapatan menunjukkan skor min pada tahap tinggi ($M = 4.15$, $SD = 0.50$), yang melambangkan bahawa kursus dalam talian dilihat relevan, bermanfaat, dan mampu memenuhi keperluan pembelajaran pelajar. Walaupun faktor kemudahan memperoleh skor min yang paling rendah ($M = 4.13$, $SD = 0.58$), tahapnya masih berada pada kategori tinggi, sekali gus menunjukkan bahawa aspek infrastruktur dan sokongan teknikal masih boleh dipertingkatkan bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran. Secara keseluruhannya, dapatan ini mencerminkan penerimaan positif terhadap e-pembelajaran dan mengesahkan bahawa kebolegunaan platform merupakan faktor dominan dalam menyumbang kepada keberkesanan. Hal ini selaras dengan kajian lepas yang menekankan kepentingan aspek teknologi, sokongan pensyarah, serta infrastruktur dalam memastikan kejayaan pembelajaran digital (Nikou & Economides, 2017; Vululleh, 2018). Jadual 4 hingga 7 menunjukkan analisis data yang dikumpul daripada penerimaan responden terhadap E-Pembelajaran di UMK Kampus Kota. Dengan meneliti maklum balas yang diperoleh daripada soal selidik, tahap persepsi responden terhadap keberkesanan kursus, karakteristik pensyarah, kebolegunaan dan kemudahan dijelaskan seperti berikut.

Jadual 4: Persepsi Pelajar Terhadap Kerberkesanan Kursus

Item	Min	Sisihan Piawai
1.Tugasan yang diberikan oleh pensyarah melalui platform e-pembelajaran dapat menjana pemikiran inovatif dan kreatif.	4.08	.587
2.Penerangan kursus lebih menarik dan meningkatkan kefahaman melalui pembelajaran dalam talian.	4.05	.639
3.Tugasan boleh disiapkan secara elektronik dan menjimatkan masa (contohnya tugas dihantar melalui butang <i>submit</i>).	4.13	.764
4.Pensyarah menyediakan maklumat pengajaran dalam e-pembelajaran yang relevan dan sesuai untuk pelajar.	4.28	.767
5.Bahan pembelajaran yang diberikan oleh pensyarah (contohnya slaid) dapat dilihat dengan jelas semasa sesi pembelajaran dalam talian.	4.23	.799

Berdasarkan Jadual 4, hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa pelajar memberikan persepsi yang positif terhadap keberkesanan kursus yang dijalankan melalui e-pembelajaran. Nilai min keseluruhan bagi lima item berada pada julat tinggi iaitu antara 4.05 hingga 4.28, sekali gus mencerminkan tahap kepuasan yang baik. Dapatan menunjukkan item ke-4 (Min = 4.28, SP = 0.767) memperoleh skor tertinggi, yang menandakan bahawa maklumat pengajaran yang disediakan oleh pensyarah adalah relevan dan sesuai untuk pelajar. Sementara itu, item ke-5 (Min = 4.23, SP = 0.799) juga mendapat skor yang tinggi, memperlihatkan bahawa bahan pembelajaran seperti slaid dapat diakses dan dilihat dengan jelas sepanjang sesi pembelajaran dalam talian. Tambahan pula, kemudahan penghantaran tugas secara elektronik turut dihargai pelajar (item ke-3, Min = 4.13, SP = 0.764) kerana ia menjimatkan masa dan lebih praktikal. Bagi item 1 (Min = 4.08, SP = 0.587), dapatan menunjukkan tugas yang diberikan melalui platform e-pembelajaran membantu merangsang pemikiran kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar. Walaupun item ke-2 (Min = 4.05, SP = 0.639) memperoleh skor terendah dalam kumpulan ini, ia masih berada pada tahap min yang tinggi, sekali gus menandakan bahawa pelajar tetap berpendapat penerangan kursus lebih menarik dan meningkatkan kefahaman melalui pembelajaran dalam talian. Secara keseluruhannya, analisis ini membuktikan bahawa penggunaan e-pembelajaran memberi kesan yang positif terhadap keberkesanan kursus dari sudut kefahaman, kemudahan akses, dan kualiti maklumat yang disampaikan.

Jadual 5: Persepsi Pelajar terhadap Karakteristik Pensyarah

Item	Min	Sisihan Piawai
1.Pensyarah mampu menerangkan inti pati pembelajaran dengan jelas semasa pembelajaran dalam talian.	4.25	.691
2.Gaya penyampaian pensyarah menarik perhatian pelajar.	4.17	.701
3.Pensyarah memahami masalah teknikal (contohnya, masalah capaian internet) yang dihadapi pelajar melalui pembelajaran dalam talian.	4.21	.795
4.Pensyarah memberikan gambaran atau penerangan yang jelas mengenai tugas melalui e-pembelajaran.	4.22	.754

5. Pensyarah menggalakkan pembelajaran aktif dalam pelbagai cara semasa melaksanakan pembelajaran dalam talian. 4.27 .740

Berdasarkan analisis deskriptif terhadap persepsi pelajar mengenai karakteristik pensyarah dalam penggunaan e-pembelajaran (Jadual 5), hasil kajian menunjukkan tahap persepsi yang tinggi dengan min keseluruhan melebihi 4.00 bagi semua item. Item dengan min tertinggi adalah pensyarah menggalakkan pembelajaran aktif dalam pelbagai cara semasa melaksanakan pembelajaran dalam talian (Min=4.27, SP=.740), diikuti dengan pensyarah mampu menerangkan inti pati pembelajaran dengan jelas (Min=4.25, SP=.691). Seterusnya, pelajar juga menilai bahawa pensyarah memberikan penerangan yang jelas mengenai tugas (Min=4.22, SP=.754) serta memahami masalah teknikal yang dihadapi pelajar (Min=4.21, SP=.795). Walaupun item dengan skor min paling rendah ialah gaya penyampaian pensyarah menarik perhatian pelajar (Min=4.17, SP=.701), ia masih menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi. Dapatan ini mencerminkan bahawa secara keseluruhannya, pensyarah Universiti Malaysia Kelantan dilihat berupaya melaksanakan pengajaran dalam talian dengan berkesan, bukan sahaja dari aspek penyampaian dan kefahaman pelajar, malah turut memberi sokongan terhadap isu teknikal serta menggalakkan pembelajaran aktif yang lebih interaktif.

Jadual 6: Persepsi Pelajar Terhadap Kebolehgunaan

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Melalui sistem e-pembelajaran, ia dapat meningkatkan tahap prestasi pembelajaran pelajar dalam pendidikan.	4.21	.714
2. E-pembelajaran dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam menyampaikan pendapat dan idea.	4.16	.716
3. Melalui e-pembelajaran, pelajar menjadi lebih mahir menggunakan aplikasi seperti <i>Google Meet</i> dan <i>Microsoft Teams</i> .	4.26	.723
4. Kaedah e-pembelajaran dapat menjimatkan kos perbelanjaan pelajar (contohnya, kos pengangkutan untuk menghadiri kuliah secara fizikal).	4.33	.704
5. E-pembelajaran dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar untuk belajar.	4.34	.735

Kebolehgunaan e-pembelajaran dinilai secara positif oleh pelajar dengan skor min keseluruhan yang tinggi (melebihi 4.00) bagi semua item (lihat Jadual 6). Item dengan skor min tertinggi ialah e-pembelajaran dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar untuk belajar (min = 4.34, SP = 0.735), diikuti dengan penjimatan kos perbelanjaan seperti pengangkutan ke kuliah fizikal (min = 4.33, SP = 0.704). Dapatan ini menunjukkan bahawa e-pembelajaran bukan sahaja menyumbang kepada keberkesanan akademik, tetapi juga memberi manfaat dari aspek psikologi dan ekonomi. Selain itu, pelajar turut menekankan bahawa kaedah ini menjadikan mereka lebih mahir menggunakan aplikasi digital seperti *Google Meet* dan *Microsoft Teams* (min = 4.26, SP = 0.723), sekali gus meningkatkan kecekapan mereka dalam menguasai teknologi pembelajaran terkini. Elemen peningkatan prestasi pembelajaran (min = 4.21, SP = 0.714) serta keyakinan diri dalam menyampaikan pendapat dan idea (min = 4.16, SP = 0.716) turut memperkukuh bahawa e-pembelajaran berfungsi sebagai medium yang menyokong pembangunan kemahiran akademik dan insaniah secara menyeluruh. Secara keseluruhan, hasil ini selaras dengan dapatan Al-Fraihat et al. (2020) dan Almaiah et al. (2020) yang menegaskan

bahawa kebolegunaan sistem e-pembelajaran berkait rapat dengan peningkatan motivasi, prestasi akademik, serta pembangunan kemahiran teknologi pelajar.

Jadual 7: Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Yang Disediakan

Item	Min	Sisihan Piawai
1.Melalui e-pembelajaran, semua modul telah disediakan dengan lebih lengkap oleh pengajar.	4.14	.795
2.Melalui e-pembelajaran, lebih mudah bagi pelajar mengakses bahan rujukan tanpa had masa dan tempat.	4.10	.686
3.Pihak institusi menyediakan kemudahan rangkaian Wifi yang baik dan pantas untuk tujuan pembelajaran.	4.17	.721
4.Kemudahan komputer yang disediakan oleh universiti akan memudahkan pelajar mengakses e-pembelajaran.	4.16	.819
5.Kemudahan insentif iaitu pakej internet yang diagihkan oleh kerajaan kepada pelajar di institusi akan meningkatkan keupayaan e-pembelajaran di UMK.	4.11	.949

Berdasarkan analisis deskriptif, persepsi pelajar terhadap kemudahan yang disediakan dalam menyokong e-pembelajaran adalah positif, dengan semua skor min melebihi 4.00 (Jadual 7). Item yang mendapat skor min tertinggi ialah kemudahan rangkaian Wifi yang baik dan pantas (min = 4.17, SP = 0.721), diikuti dengan kemudahan komputer yang disediakan universiti (min = 4.16, SP = 0.819). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar menilai aspek infrastruktur teknologi sebagai faktor kritikal dalam memastikan kelancaran e-pembelajaran. Selain itu, penyediaan modul pembelajaran yang lengkap (min = 4.14, SP = 0.795) dan akses mudah kepada bahan rujukan (min = 4.10, SP = 0.686) turut diiktiraf sebagai elemen penting yang menyokong proses pembelajaran sendiri. Walaupun kemudahan insentif seperti pakej internet daripada kerajaan mencatatkan min sedikit lebih rendah (min = 4.11, SP = 0.949), sisihan piawai yang tinggi mencerminkan wujudnya perbezaan pengalaman dalam kalangan pelajar terhadap keberkesanan bantuan tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa keberkesanan e-pembelajaran di UMK sangat bergantung kepada penyediaan kemudahan asas teknologi serta sokongan tambahan yang mampu meningkatkan kebolehcapaian pelajar terhadap sistem pembelajaran digital.

Perbincangan

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian yang merangkumi latar belakang demografi responden dan analisis deskriptif, dapat disimpulkan bahawa tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Kota adalah tinggi serta positif. Manakala, analisis deskriptif mendapati faktor kebolegunaan memperoleh skor tertinggi, ia membuktikan bahawa sistem e-pembelajaran dianggap mesra pengguna, menjimatkan kos, meningkatkan motivasi serta memperkukuh kemahiran teknologi pelajar. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa objektif kajian untuk menilai tahap penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran telah berjaya dicapai.

Kebolegunaan yang dirasai melalui e-pembelajaran memberikan banyak manfaat kepada pelajar UMK, khususnya mereka yang mengikuti pengajian jarak jauh atau pengajian separuh masa, seperti menjimatkan kos yuran pengajian (kos penginapan, pengangkutan dan sebagainya). Walau bagaimanapun, bagi pelajar UMK yang mengikuti e-pembelajaran secara

sepenuh masa, mereka secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pengangkutan untuk ke kelas fizikal. Selari dengan Chung dan Mathew (2020), pelajar menunjukkan pengalaman positif terhadap e-pembelajaran, termasuk pengurangan kos pengangkutan serta peningkatan kemampuan untuk belajar secara sendiri dan berkesan. Dalam persekitaran ini, pelajar boleh berada di mana-mana sahaja (secara berdikari) untuk belajar dan berinteraksi dengan pensyarah serta dengan pelajar lain (Singh & Thurman, 2019).

Karakteristik pensyarah dinilai positif kerana mereka jelas dalam penyampaian, memahami cabaran teknikal, dan menggalakkan pembelajaran aktif. Dapatan ini selari dengan kajian Arshad, Hassan dan Noh (2021) yang menunjukkan bahawa ciri-ciri pensyarah menjadi faktor utama penerimaan e-pembelajaran, khususnya apabila pensyarah mesra, aktif, serta memberi bimbingan dalam penggunaan sistem pembelajaran digital. Manakala keberkesanan kursus pula diakui melalui relevansi kandungan, kemudahan penghantaran tugas, serta kejelasan bahan pembelajaran yang disediakan. Responden UMK menyatakan bahawa e-pembelajaran merupakan satu pendekatan pembelajaran yang sangat bermanfaat kerana pensyarah sentiasa menyediakan nota serta pelbagai maklumat yang jelas walaupun dalam persekitaran dalam talian. Penemuan ini mengindikasikan bahawa keberkesanan kursus yang diikuti melalui e-pembelajaran juga berperanan dalam membentuk tingkat pemikiran yang lebih matang dan kritikal dalam kalangan pelajar UMK. Hal ini sejajar dengan kajian oleh Lee dan Choi (2017) yang mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran bukan hanya melampaui hafalan, tetapi turut membantu pelajar membangun pemikiran aras tinggi (*higher-order thinking skills*) seperti analisis dan penilaian. Mat dan Mustakim (2021) menunjukkan bahawa penggunaan pembelajaran maya (*virtual learning*) dapat meningkatkan kemahiran pemikiran kritikal holistik dalam kalangan pelajar sekolah rendah, yang secara teori juga relevan dalam konteks pelajar universiti

Akhir sekali, walaupun kemudahan fizikal seperti rangkaian Wi-Fi dan sokongan komputer universiti masih berpotensi untuk dipertingkatkan, penilaian pelajar tetap menunjukkan persepsi positif. Ini menekankan bahawa infrastruktur teknologi adalah elemen kritikal dalam memastikan kejayaan sistem e-pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Kajian secara menyeluruh menunjukkan bahawa infrastruktur teknologi yang mencukupi, termasuk rangkaian yang stabil, perkakasan dan perisian yang sesuai merupakan salah satu faktor kritikal dalam keberhasilan e-pembelajaran (Rizana, Hediyanto, Ramadhan, & Kurniawati, 2020; van Dorresteijn et al., 2025).

Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulannya, analisis deskriptif menunjukkan bahawa pelajar UMK mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap e-pembelajaran daripada semua dimensi yang dikaji, iaitu keberkesanan kursus, karakteristik pensyarah, sistem kualiti, kemudahan yang disediakan, serta kebolegunaan. Nilai min yang konsisten tinggi (melebihi 4.00) menggambarkan bahawa e-pembelajaran bukan sahaja berjaya berfungsi sebagai medium alternatif kepada pembelajaran konvensional, tetapi turut memberi kesan positif terhadap motivasi, keyakinan diri, serta kemahiran digital pelajar. Dapatan ini juga mengisyaratkan bahawa sistem e-pembelajaran UMK berada pada tahap yang baik dan mempunyai potensi besar untuk dikembangkan secara lebih menyeluruh sebagai strategi pengajaran utama di masa hadapan.

Pada masa akan datang, kajian tentang e-pembelajaran di UMK boleh menilai sama ada penggunaannya benar-benar membantu pelajar meningkatkan pencapaian akademik dan membangunkan kemahiran insaniah. Kajian juga boleh melihat sama ada semua pelajar

mempunyai peluang yang sama untuk menggunakan teknologi yang diperlukan, contohnya internet yang stabil dan peranti pembelajaran, tanpa mengira latar belakang atau tempat tinggal mereka. Selain itu, kajian masa depan wajar meneliti tahap kesediaan pensyarah serta potensi penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan dan pembelajaran adaptif. Penyelidikan jangka panjang atau gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif juga disarankan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kesan e-pembelajaran di UMK.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) atas sokongan dan penyediaan kemudahan penyelidikan.

Rujukan

- Abebaw, B., Asmamaw, K., Getachew, S., Habtamu, A., Biruk, W., Temesgen, A., & Agmasie, D. (2024). Acceptance of e-learning and associated factors among postgraduate medical and health science students at first generation universities in Amhara region, 2023: Using modified technology acceptance model. *BMC Medical Education*, 24, 838, 1-16. <https://doi.org/10.1186/s12909-024-05834-z>.
- Akpen, C. N., Asaolu, S., Atobatele, S., Okagbue, H., & Sampson, S. (2024). Impact of online learning on student's performance and engagement: A systematic review. *Education Research International*, 3(205), 1-15.
- Arshad, N. M., Hassan, Z., & Noh, S. H. M. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di Politeknik Port Dickson: Kajian kes semester 4 diploma kejuruteraan mekanikal pembuatan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(S1), 69-80.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S. (1999). *Statistic for social research with computer application*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia Press.
- Chung, E., & Mathew, V. N. (2020). Satisfied with online learning amidst COVID-19, but do you intend to continue using it? *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(4), 67-77.
- Dillon, A., & Morris, M. G. (1996). User acceptance of information technology: Theories and models. In M. Williams (Ed.), *Annual review of information science and technology* (31, 3-32). Medford, NJ: Information Today.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1-4. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Lateh, H., & Raman, A. (2004). Driving factors for successful online education in Malaysia. Paper presented at the *National E-Learning Conference*, Evergreen Laurel Hotel, Penang, Malaysia.
- Latiff, L. A., Mokhtar, R. A. M., Muda, K., & Mohad, A. H. (2021). Tahap kecenderungan minat pelajar USIM terhadap kursus TITAS. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, 3, 123-131.
- Latip, M. S. A., Tamrin, M., Noh, I., Rahim, F. A., & Latip, S. N. N. A. (2022). Factors affecting e-learning acceptance among students: The moderating effect of self-efficacy. *International Journal of Information and Education Technology*, 12(2), 116-122.
- Lee, J., & Choi, H. (2017). What affects learner's higher-order thinking in technology-enhanced learning environments? The effects of learner factors. *Computers & Education*, 115, 143-152.

- Mat, H., & Mustakim, S. S. (2021). The effectiveness of virtual learning to enhance higher order thinking skills in Year 5 students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(2), 577-584.
- Muniisvaran, K., Jose, F. T., Karthegees, P., & Anusia, K. (2025). Technology-enhanced learning in higher education institutions in Malaysia. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 12(1), 220–225.
- Muthurmana, S., Veerasamy, R., & Al-Hazaizi, M. (2020). E-learning to enhance educational competitiveness in the Sultanate of Oman. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 11(2), 84-92.
- Najjar, N., Roupheal, M., Bitar, T., & Hleihel, W. (2025). The rise and drop of online learning: Adaptability and future prospects. *Frontiers in Education*, 10, 1522905. <https://doi.org/10.3389/educ.2025.1522905>.
- Rathinam, S., Yap, L. T., Navies, L. G., Murugiah, H., & Zulkifli, N. S. M. (2023). Trends, issues, and challenges in e-learning in the Malaysian education system: A review of literature. *Journal of Social Sciences and Business*, 2(1), 1-9.
- Rizana, A. F., Hediyanto, U. Y. K. S., Ramadhan, F., & Kurniawati, A. (2020). E-learning success determinants in higher education: A systematic literature review from users' perspective. *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering*, 830, 032012. <https://doi.org/10.1088/1757-899X/830/3/032012>
- Shahzad, A., Hassan, R., Aremu, A. Y., Hussain, A., & Lodhi, R. N. (2021). Effects of COVID-19 in e-learning on higher education institution students: The group comparison between male and female. *Quality & Quantity*, 55(3), 805-826.
- Singh, V., & Thurman, A. (2019). How many ways can we define online learning? A systematic literature review of definitions of online learning (1988–2018). *American Journal of Distance Education*, 33(4), 289-306.
- Taib, R., Wei, C. W., & Fong, K. L. (2021). Kesediaan pelajar terhadap kaedah pembelajaran elektronik bagi subjek hubungan etnik. *Journal of Social Science and Humanities*, 18(4), 130-147.
- The Economic Times. (2022). *What is e-learning?* Retrieved January 10, 2025, from <https://economictimes.indiatimes.com/definition/e-learning>
- van Dorresteijn, C., Fajardo-Tovar, D., Pareja Roblin, N., Cornelissen, F., Meij, M., Voogt, J., Volman, M. (2024). What factors contribute to effective online higher education? A meta-review. *Technology, Knowledge and Learning*, 30, 171-202. <https://doi.org/10.1007/s10758-024-09750-5>
- Vululleh, P. (2018). Determinants of students' e-learning acceptance in developing countries: An approach based on structural equation modeling (SEM). *International Journal of Education and Development using ICT*, 14(1), 141-151.
- Yiong, B. L. C., Sam, H. K., & Wah, T. K. (2008). Acceptance of e-learning among distance learners: A Malaysian perspective. In *Proceedings of ASCILITE - Australian Society for Computers in Learning in Tertiary Education Annual Conference 2008* (hlm. 541–551). Australasian Society for Computers in Learning in Tertiary Education. Retrieved September 4, 2025, from <https://www.learntechlib.org/p/46227/>